

LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK

Kepada Pelanggan,

Lembaran Pendedahan Produk ini (LPP) memberi maklumat penting untuk Kad Debit AmBank ("Kad Debit").

- ☐ Debit VISA AmBank
- ☐ Debit Mastercard AmBank
- ☐ Debit Mastercard TRUE by AmBank



AmBank

AmBank (M) Berhad

Pelanggan lain telah membaca LPP ini dan berpendapat ianya berguna; **anda harus membacanya juga.**

Tarikh:

1 Apa itu Kad Debit?

Kad Debit adalah instrumen pembayaran yang membolehkan anda membayar untuk barangan dan perkhidmatan daripada akaun Semasa atau Simpanan AmBank/AmBank Islamic anda, di tempat jualan runcit dan perkhidmatan yang turut serta. Anda dikehendaki mengekalkan akaun Semasa atau Simpanan AmBank/AmBank Islamic yang dihubungkan dengan Kad Debit kami. Jika anda menutup mana-mana akaun, Kad Debit AmBank anda akan dibatalkan secara automatik.

Manfaat Tambahan:

- a) Akses Tunai Mudah**
Kini anda boleh mengeluarkan wang tunai anda dengan mudah, sama ada dalam atau luar negara, melalui Mesin Juruwang Automatik (ATM - Automated Teller Machine) yang memaparkan logo MEPS, Cirrus Mastercard atau VISA.
- b) Penerimaan Sedunia untuk Bayaran**
Kemudahan untuk membayar barangan atau perkhidmatan di seluruh dunia di kedai saudagar yang memaparkan logo Mastercard, VISA atau MyDebit.
- c) Had Pembelian Kad Debit**
Kad debit ini menawarkan had pembelian harian sebanyak RM5,000 selepas pengaktifan. Jika anda tidak mahu menggunakan had ini atau ingin menetapkan had yang lebih rendah, atau terus ke mana-mana cawangan AmBank atau kemas kini di ATM kami.
- d) Pembelian Tanpa Sentuh**
Pembelian harian dengan mudah hanya menyentuh atau mengimbas Kad Debit AmBank pada pembaca/terminal tanpa sentuh dengan Peniaga. Had Pembelian Tanpa Sentuh ialah Ringgit Malaysia Satu Ribu (RM1,000) setiap hari dengan maksimum Ringgit Malaysia Dua Ratus Lima Puluh (RM250) untuk setiap transaksi (Ini adalah subset daripada had pembelian harian)
- e) Promosi dan Diskaun**
Nikmati tawaran hebat dan tawaran istimewa dengan Kad Debit AmBank anda di Saudagar AmBank Spot yang mengambil bahagian. Untuk maklumat promosi dan senarai lengkap Saudagar AmBank Spot, sila layari ambankspot.com.

2 Ketahui kewajipan anda.

Ia adalah tanggungjawab anda untuk membaca terma penting ini:

- Anda mestilah sentiasa mengambil langkah yang munasabah untuk mengelakkan kehilangan Kad Debit anda. Anda bertanggungjawab untuk melindungi Kad Debit anda dan tidak mendedahkan butiran Kad Debit dan Nombor Pengenalan Peribadi kad anda kepada sesiapa.
- Sekiranya kad anda dicuri atau hilang, anda dikehendaki memaklumkan kepada Bank dengan segera untuk menyahaktifkan Kad Debit anda. Ini boleh dilakukan dengan menghubungi Pusat Panggilan AmBank atau kunjungi cawangan kami yang terdekat.
- Adalah penting untuk anda memaklumkan kepada kami mengenai sebarang perubahan dalam perincian peribadi anda bagi memastikan semua surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya dengan mengunjungi mana-mana cawangan kami atau menghubungi Pusat Panggilan AmBank.
- Sila menyemak penyata akaun anda dari masa ke semasa dan hubungi Bank dengan segera jika terdapat sebarang percanggahan.

Yuran dan Caj	Jumlah
Yuran Tahunan Kad: a) Kad Debit yang berkaitan dengan Akaun Simpanan Asas/Akaun Simpanan Asas-i, Akaun Semasa Asas/Akaun Semasa Asas-i, sebagai akaun utama. b) Kad Debit yang dikaitkan dengan Akaun Simpanan/Semasa yang lain kecuali akaun yang disenaraikan di atas sebagai akaun utama.	Tiada yuran tahunan Tahun Pertama: Dikecualikan Tahun kedua dan seterusnya: RM8 setiap kad untuk Kad Debit AmBank; atau RM10 setiap kad untuk Debit Mastercard TRUE by AmBank
Yuran Pengeluaran Kad	RM12 setiap kad untuk Kad Debit AmBank
Yuran Kad Penggantian disebabkan: a) Kehilangan / Kecurian / Kerosakan / Terlupa nombor PIN b) CIP rosak / Kad gentian / Fraud	RM12 Tiada yuran dikenakan
Yuran Pengeluaran Tunai: a) ATM/ Cawangan AmBank b) Rangkaian MEPS [Shared ATM Network (SAN)] - Bank Tempatan/ATMs MEPS - Bank Asing di Malaysia yang merupakan ahli rangkaian MEPS - Bank Asing Perbadanan Tempatan (<i>LIFB - Local Incorporated Foreign Banks</i>) c) Regional Link - NETS/Rintis/ITMX/NAPAS/UPI/KFTC d) Rangkaian – VISA/Mastercard/Visa Plus/Cirrus	Tiada yuran pengeluaran Dikecualikan Dikecualikan RM10 setiap pengeluaran RM10 setiap pengeluaran
Yuran Pertukaran Transaksi Luar Negara	Kadar pertukaran ditentukan oleh Mastercard / VISA International. Tokokan ke atas RM yang ditukar – Dikecualikan. Yuran tambahan untuk penukaran mata wang asing ke RM – Dikecualikan.
Yuran Pengeluaran Tunai MyDebit Cash Out (Tarikh Kuat Kuasa 1 Julai 2022)	RM0.50 setiap transaksi di mana-mana peniaga/peruncit MyDebit terpilih. Had pengeluaran sebanyak RM500 untuk setiap transaksi.

Bagaimanakah jika anda gagal menunaikan kewajipan?

- Anda akan bertanggungjawab untuk semua transaksi tidak sah berasaskan PIN jika anda:
 - melakukan penipuan; dan/atau
 - gagal memaklumkan kepada Bank dengan segera apabila anda mendapati bahawa Kad Debit anda telah hilang atau telah digunakan tanpa kebenaran anda; dan/atau
 - mendedahkan PIN anda kepada orang lain dengan sengaja PIN anda; dan/atau
 - mengkompromikan kerahsiaan PIN anda, contohnya, menulis PIN anda di atas Kad Debit atau apa-apa bahan yang disimpan berdekatan dengan Kad Debit anda.
- Anda akan bertanggungjawab untuk semua transaksi tidak sah yang memerlukan pengesahan tandatangan atau dengan kad tanpa sentuh, jika anda:
 - melakukan penipuan; dan/atau
 - gagal memaklumkan kepada Bank dengan segera apabila anda mendapati bahawa Kad Debit anda telah hilang atau telah digunakan tanpa kebenaran anda; dan/atau
 - meletakkan Kad Debit tanpa pengawasan, sama ada Kad sahaja atau diletakkan di dalam dompet, beg tangan dan sebagainya, di tempat yang mudah dilihat dan diakses oleh orang lain; dan/atau
 - membenarkan orang lain menggunakan Kad Debit anda dengan sengaja.
- Apabila transaksi Tanpa Kad atau luar negara dilakukan, terdapat risiko data pemegang kad dikompromi atau maklumat kad digunakan untuk pembelian tanpa kebenaran dan/atau pengeluaran tunai. Oleh kerana prosedur penerimaan kad di terminal POS (Point-of-Sales) mungkin berlainan dari satu negara ke negara lain, risiko data kad anda dikompromi adalah lebih tinggi di sesetengah negara yang akan mengakibatkan transaksi tanpa kebenaran/penipuan. Sekiranya terdapat transaksi tanpa kebenaran, sila hubungi Pusat Panggilan AmBank kami di talian 03-2178 8888 (Isnin - Ahad, 9.00 pagi hingga 9.00 malam) dan pegawai khidmat pelanggan kami akan memberi nasihat untuk langkah-langkah seterusnya.
- Sekiranya anda gagal mematuhi Terma dan Syarat Kad Debit, Bank berhak untuk menggantung atau menamatkan Kad anda

Terma penting yang lain.

- Bagi transaksi pra-kebenaran seperti pembelian petrol di pam layan diri di luar dan penginapan di hotel, amaun yang dibenarkan akan ditolak daripada akaun berkaitan dan seterusnya diselaraskan sebaik sahaja pelangsaian dibuat untuk amaun sebenar yang digunakan. Amaun pra-kebenaran bagi transaksi pembelian petrol di pam layan diri di luar ialah Ringgit Malaysia Dua Ratus (RM200) dan tempoh pegangan pra-kebenaran ialah selama tiga (3) hari kalendar dari hari transaksi dibuat. Bagi mengelak jumlah pra-kebenaran dipegang untuk petrol transaksi, anda boleh terus ke juruwang dan memberitahu jumlah isian yang tepat.
- Hotel - Ketika mendaftar masuk, jumlah pra-kebenaran tetap yang ditetapkan oleh peniaga akan diperuntukkan ke dalam Akaun Simpanan atau Semasa AmBank/AmBank Islamic anda. Semasa mendaftar keluar, jumlah pra-kebenaran akan ditolak dan jumlah sebenar akan dicaj.
- Semua transaksi luar negara (termasuk sebarang pengeluaran tunai di ATM dan pembelian di luar Malaysia) atau transaksi Tanpa Kad (termasuk transaksi dalam talian, transaksi pesanan mel dan pesanan telefon) akan disekat secara automatik melainkan Pemegang Kad telah memilih untuk membuat transaksi luar negara atau Tanpa Kad.
- Pemegang Kad boleh mengaktifkan kad untuk penggunaan di luar negara atau Tanpa Kad melalui mana-mana saluran yang berikut:
 - Kemaskini "Debit Card Usage Settings" melalui AmBank AmOnline
 - Hubungi Pusat Panggilan AmBank kami melalui 03-2178 8888 (Isnin - Ahad, 9.00 pagi hingga 9.00 malam)
 - Kunjungi mana-mana cawangan AmBank untuk bantuan.
 - Layan diri melalui ATM (untuk penggunaan transaksi luar negara sahaja).

Jika anda mempunyai soalan atau perlukan bantuan untuk Kad Debit anda, sila:



Hubungi kami di:
603-2178 8888
Beroperasi setiap hari dari 9.00 pagi
hingga 9.00malam.



Kunjungi kami di:
<https://www.ambank.com.my/contact-centre>



Emel kami di:
customercare@ambankgroup.com

Sekiranya jawapan kami terhadap sebarang pertanyaan/aduan anda tidak memuaskan, anda boleh menghubungi Bank Negara Malaysia di:

Bank Negara Malaysia

Laman Sesawang: bnm.gov.my/BNMLINK

Alamat:
4th Floor, Podium Bangunan AICB, No.10, Jalan Dato' Onn,
50480, Kuala Lumpur

Maklumat yang disediakan di dalam lembaran pernyataan produk ini adalah sah dari 23 September 2026 sehingga kemaskini seterusnya. Sila layari ambank.com.my untuk maklumat terkini.